

19/11/1998

Yong, Zainal Abidin sertai suruhanjaya

KUALA LUMPUR, Rabu - Pengarah Urusan Royal Selangor International Berhad, Datuk Yong Poh Kon dan Rakan Urusan Negeri Arthur Anderson Malaysia, Datuk Zainal Abidin Putih dilantik menjadi anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia yang mengumumkan pelantikan itu hari ini berkata, pelantikan mereka berkuatkuasa pada 1 November lalu.

Yong berpengalaman luas dalam bidang perniagaan dan pengurusan kewangan dengan memegang pelbagai jawatan, termasuk Naib Presiden Persekutuan Pekilang Malaysia (FMM), anggota Lembaga Bank OCBC (M) dan Pengerusi Bersama Pasukan Petugas Bagi Pengeluar Jenama Barangan Malaysia.

Zainal pula adalah akauntan berpengalaman terutama dalam bidang audit, percukaian dan pengurusan di samping pakar runding pengurusan yang disegani di kalangan komuniti perniagaan.

Penubuhan suruhanjaya itu diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 30 Oktober lalu bertujuan melaksanakan fungsi kawal selia bagi industri komunikasi dan multimedia.

Ia dipengerusikan oleh bekas Pengarah Eksekutif Telekom Malaysia, Dr Syed Hussein Mohamed.

(END)